



Semua Y.B. Ahli Dewan Undangan Negeri,
Pegawai Daerah,
PULAU PINANG.

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI
BIL. 4 TAHUN 2008**

***GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEMBERIAN BANTUAN
KEPADA GOLONGAN SASAR***

Tujuan

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penjelasan berkaitan Pengurusan Pemberian Bantuan kepada golongan sasaran bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri untuk tahun 2008.

Latar Belakang

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 2 Januari 2008 telah bersetuju supaya satu skim bantuan kewangan kepada golongan sasaran disediakan bagi setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) di Negeri Pulau Pinang. Peruntukan ini adalah merupakan peruntukan khas bagi maksud pemberian bantuan yang boleh dimanfaatkan oleh golongan sasaran yang disahkan oleh Pejabat Daerah, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pusat Urus Zakat terdiri daripada:

- (i) Penduduk miskin;
- (ii) Ibu tunggal;
- (iii) Warga tua;
- (iv) Orang kurang upaya (OKU); dan
- (v) Usahawan dan peniaga kecil.

3. Sejumlah RM250,000.00 diperuntukkan bagi setiap KADUN bagi maksud bantuan tersebut.

Skim Pengurusan Bantuan

4. Bantuan yang boleh dimanfaatkan adalah untuk tujuan program/aktiviti yang dikenalpasti akan meningkatkan taraf dan kualiti hidup dan mengeluarkan golongan sasaran dan rakyat daripada belunggu kemiskinan seperti berikut:

Bil.	Jenis Bantuan	Kadar Maksimum (RM)
i.	Baiki rumah	5,000.00
ii.	Menyedia prasarana asas luar bandar seperti bekalan elektrik dan air bagi golongan sasaran	3,000.00
iii.	Bantuan kebajikan dalam bentuk peralatan dan kemudahan untuk aktiviti perniagaan	2,500.00
iv.	Bantuan persekolahan bagi keluarga golongan sasaran	2,500.00

Jenis dan kadar bantuan mengikut kriteria di atas adalah mengikut budi bicara Y.B. ADUN. Y.B. ADUN hendaklah mengenalpasti golongan sasaran dan program/aktiviti yang boleh dimanfaatkan serta memberi kesan positif kepada golongan sasaran serta pembangunan masyarakat setempat.

5. Semua permohonan perlu didaftar dan diperakukan oleh Y.B. ADUN di kawasan yang berkenaan dan disahkan oleh Pejabat Daerah dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran A**. Bagi permohonan yang diluluskan teras bantuan kewangan untuk tujuan pembelian peralatan/kelengkapan/kemudahan kepada golongan sasar, bayaran bantuan segera boleh dibuat oleh Y.B. ADUN dalam bentuk tunai dengan disokong oleh perakuan penerimaan bantuan dalam Borang Akuan Penerimaan Bantuan seperti di **Lampiran B**.

6. Bagi pelaksanaan projek-projek infrastruktur yang menepati kriteria di perenggan 4, Y.B. ADUN bolehlah mengemukakan cadangan projek kepada Pegawai Daerah untuk pelaksanaan. Projek-projek yang diluluskan hendaklah dilaksanakan mengikut prosedur dan peraturan kewangan yang ditetapkan.

Tatacara Bayaran

7. Peruntukan bantuan akan disalurkan kepada setiap Y.B. ADUN oleh Jabatan Kewangan Negeri melalui Pejabat Daerah dalam bentuk geran mengikut nilai bantuan yang diluluskan dan tahap kemajuan projek.

8. Setiap Y.B. ADUN perlu mengemukakan laporan kemajuan perbelanjaan bantuan ini kepada Pegawai Daerah setiap bulan dengan menggunakan borang di **Lampiran C** dan menyertakan bersekali borang-borang perakuan penerimaan bantuan bagi setiap permohonan yang diluluskan.

9. Pegawai Daerah bertanggungjawab menyediakan laporan prestasi perbelanjaan bagi peringkat daerah setiap bulan dan dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri serta salinan kepada Pejabat Pembangunan

Negeri Pulau Pinang, bagi tujuan pemantauan ke atas program/aktiviti yang dilaksanakan mengikut format seperti di **Lampiran C**.

10. Pemberian bantuan kepada golongan sasaran yang ditetapkan adalah merupakan salah satu kaedah bagi mempercepatkan proses peningkatan taraf kualiti hidup dan membasmi kemiskinan di kalangan rakyat. Usaha ini penting bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat yang memerlukan, serta mengurangkan karenah birokrasi dalam perkhidmatan awam.

Tarikh Kuatkuasa

11. Pemberian bantuan sebanyak RM250,000.00 bagi setiap KADUN bolehlah digunakan sepenuhnya bagi tahun semasa sahaja dan tidak dibenarkan di bawa ke tahun berikutnya.

Sekian, terima kasih.

` BERKHIDMAT UNTUK NEGARA `

Saya yang menurut perintah,

[**DATO' SUPIAH BT. MD. YUSOF**]
Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang.

Tarikh : 3 Januari 2008

s.k.: Y.A.B. Tan Sri Ketua Menteri
Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Seri Timbalan Ketua Menteri
Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan
Pulau Pinang.